

TANAH RUNTUH KOTA KINABALU, SABAH

FAKTA DAN ANGKA

KRONOLOGI KEJADIAN TANAH RUNTUH DI KOTA KINABALU, SABAH

8-11 SEPTEMBER 2025

Hujan lebat berpanjangan mula melanda Sabah, menyebabkan struktur tanah menjadi tidak stabil di beberapa kawasan berisiko tinggi.



11 SEPTEMBER 2025

Seorang lelaki warga emas berusia 97 tahun maut apabila rumahnya di Kampung Sarapung, Penampang tertimbus akibat tanah runtuh.



15 SEPTEMBER 2025

Kampung Cenderakasih, Kolombong, Kota Kinabalu:
Tanah runtuh menimbus beberapa rumah kayu. Tujuh mangsa termasuk empat kanak-kanak ditemui maut pada malam 15 September dan dikeluarkan awal pagi 16 September.

Kampung Mook, Papar:

Dua mangsa, seorang wanita dan anak lelakinya (11 tahun), maut selepas rumah mereka dihempap tanah runtuh.

Kampung Marahang Tuntul, Papar:

Satu rumah tertimbus, dua mangsa maut, seorang lagi masih hilang

Jumlah korban meningkat kepada 14 orang termasuk lima kanak-kanak.



12 SEPTEMBER 2025

Tanah runtuh dan banjir kilat mula dilaporkan di Jalan Penampang-Tambunan dan beberapa kawasan lain. Turut dilaporkan satu kematian.

16-17 SEPTEMBER 2025

Operasi mitigasi tanah runtuh dilancarkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) di lokasi-lokasi berisiko seperti Kampung Kopungit, Jalan Bukit Bendera, dan Taman Fantasi.

Kerajaan negeri menyalurkan bantuan bernilai RM11 juta dan RM10 juta daripada NADMA.

Sambutan Hari Malaysia di Padang Merdeka dibatalkan sebagai tanda hormat, sekaligus memberi tumpuan untuk membantu mangsa.

19 SEPTEMBER 2025

Perdana Menteri mengarahkan bantuan segera disalurkan serta pembaikan infrastruktur dipercepatkan, termasuk pemulihan jalan utama, cerun runtuh dan rumah yang rosak.

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/748146/edisi/sabah-sarawak/jawatankuasa-pengurusan-bencana-sabah-pergiat-kerja-menyelamat-mangsa-tanah-runtu>
<https://www.malaysiakini.com/news/755254>



KEJADIAN & STATISTIK

JUMLAH KORBAN DI KAMPUNG CENDERAKASIH,
KOLOMBONG, KOTA KINABALU

14
NYAWA

KAWASAN YANG TERLIBAT :

KAMPUNG CENDERAKASIH INANCAM

KAMPUNG KOPUNGIT KEPAYANG

LALUAN PAPAR – KOTA KINABALU

IMPAK KE ATAS KEMUDAHAN AWAM & BEKALAN AIR

- Sebuah loji rawatan air (“Kasigui Water Treatment Plant”) dan saluran paip utama rosak akibat tanah runtuh di Jalan Kampung Sogumau
- Gangguan elektrik di banyak kawasan akibat tiang elektrik tumbang kerana tanah runtuh.

Sumber : <https://www.beritaharian.sg/malaysia/banjir-tanah-runtuh-di-sabah-korbankan-14-nyawa/>

PERSPEKTIF GEOLOGI KEJADIAN TANAH RUNTUH DI KOTA KINABALU

🔍 Faktor Geologi Utama

Menurut pakar geologi Profesor Felix Tongkul dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), punca utama kejadian tanah runtuh di Sabah adalah:

- **Tanah tepu air akibat hujan berterusan**

Hujan lebat selama beberapa hari menyebabkan tanah menjadi terlalu tepu dengan air, mengurangkan kekuatan tanah dan meningkatkan beratnya. Ini menjadikan cerun yang landai sekalipun mudah runtuh.

- **Ketidakstabilan cerun semula jadi dan buatan**

Cerun yang terdedah, sama ada semula jadi atau hasil pemotongan tanah untuk pembinaan, menjadi sangat mudah bergerak apabila kelembapan tanah melebihi paras kritikal.

- **Aliran puing dan lumpur**

Apabila tanah runtuh berlaku, ia sering disertai dengan aliran puing (debris flow) yang membawa lumpur, batu dan serpihan bangunan, menyebabkan kerosakan besar dan kehilangan nyawa.

- **Kawasan berisiko tinggi**

Kawasan paling terjejas ialah lembah Moyog di pantai barat Sabah, termasuk Penampa.

⚠️ Tanda-Tanda Awal Pergerakan Tanah

Profesor Tongkul turut menasihatkan penduduk agar berwaspada terhadap tanda-tanda awal tanah runtuh seperti retakan pada permukaan tanah, pokok yang mula condong, bunyi gemuruh dari bawah tanah, air berlumpur keluar dari cerun. Cerun dengan kecuraman serendah 5 darjah pun boleh mula bergerak jika tanah sudah tepu air

📌 Saranan untuk Penduduk dan Pihak Berkuasa

- Pemantauan cerun secara berkala oleh Jabatan Mineral dan Geosains serta pihak berkuasa tempatan.
- Pembangunan terkawal di kawasan berbukit dan larangan pembinaan di zon berisiko tinggi.
- Sistem amaran awal dan latihan evakuasi komuniti di kawasan cerun.

Sumber :

<https://www.malaysiakini.com/news/755345/>



AM

Hujan Lebat Akibatkan Tanah Runtuh Di Kota Kinabalu

🕒 15/09/2025 01:18 PM

Gambar JBPM

KOTA KINABALU, 15 Sept (Bernama) -- Hujan lebat berterusan sejak awal pagi mengakibatkan berlakunya banjir dan tanah runtuh di beberapa kawasan sekitar pusat bandar raya ini.

Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah dalam kenyataan hari ini memaklumkan pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian tanah runtuh di Kampung Unggun Jaya, Sepanggar pada 6.19 pagi.

"Sebaik tiba di lokasi, didapati berlaku tanah runtuh dan pokok tumbang. Komander operasi mengarahkan keluarga terlibat berpindah ke kawasan lebih selamat sebelum anggota bomba bertindak memotong pokok tumbang yang menghalang lalu lintas menggunakan gergaji berantai," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dalam hantaran di Facebook memaklumkan berlaku kejadian cerun runtuh di Jalan Tun Fuad Stephen. Papan tanda amaran telah dipasang, namun laluan berkenaan masih boleh dilalui.

Di Papar, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah hari ini mengisytiharkan bencana berikutan banjir yang melanda daerah itu.

Pengerusinya Muhammad Mohd Ali berkata sebuah pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di Dewan Masyarakat Papar pada 10 pagi tadi.

-- BERNAMA

Sumber:
<https://www.bernama.com/bm/news.php/dunia/bfokus/news.php?id=2467586>

BERITA

Follow

 Semasa

Follow

Tanah runtuh: Dua lagi mayat ditemukan, angka kematian meningkat 9 orang

ASYIKIN ASMIN

Follow

15 September 2025 06:43pm

Masa membaca: 2 minit



Dua mangsa terakhir yang tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Kampung Cenderakasih, Kolombong ditemui meninggal dunia.

A-

A

A+

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami

KOTA KINABALU - Dua mangsa terakhir yang tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Kampung Cenderakasih, Kolombong di sini ditemui meninggal dunia, sekali gus menjadikan angka korban tanah runtuh di Sabah seramai sembilan orang.

Mangsa terakhir merupakan seorang kanak-kanak perempuan dikenali sebagai Nur Iman berusia sembilan tahun dan Maslinah Abdul Halid berusia 24 tahun.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Mohd Pisar Aziz berkata, kedua-dua mangsa masing-masing ditemui pada jam 3.28 petang dan 3.42 petang.

Sumber:
<https://www.sinarharian.com.my/article/748129/berita/semasa/tanah-runtuh-dua-lagi-mayat-ditemukan-angka-kematian-meningkatnbsp9nbsporang>

PMX tinjau mangsa banjir, tanah runtuh di Penampang dan Kota Kinabalu

🕒 September 19, 2025, Jumaat - 5:40pm

Gambar JBPM

TINJAU: Anwar bersama Hajiji semasa membuat tinjauan di lokasi tanah runtuh.

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Anwar Ibrahim hari ini mengadakan lawatan kerja setengah hari bagi meninjau situasi bencana banjir dan tanah runtuh yang melanda beberapa kawasan di sekitar Penampang dan Kota Kinabalu.

Lawatan itu turut disertai Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor yang mengiringi Anwar meninjau kesan bencana serta keadaan mangsa di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Anwar memulakan lawatan dengan meninjau kawasan tanah runtuh di Country Heights, Penampang yang menjejaskan sebahagian penempatan penduduk.

Sumber:
<https://www.utusanborneo.com.my/2025/09/19/pmx-tinjau-mangsa-banjir-tanah-runtuh-di-penampang-dan-kota-kinabalu>

AM

HUJAN LEBAT AKIBATKAN TANAH RUNTUH DI KOTA KINABALU

🕒 15/09/2025 01:18 PM

Gambar JBPM

KOTA KINABALU, 15 Sept (Bernama) -- Hujan lebat berterusan sejak awal pagi mengakibatkan berlakunya banjir dan tanah runtuh di beberapa kawasan sekitar pusat bandar raya ini.

Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah dalam kenyataan hari ini memaklumkan pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian tanah runtuh di Kampung Unggun Jaya, Sepanggar pada 6.19 pagi.

"Sebaik tiba di lokasi, didapati berlaku tanah runtuh dan pokok tumbang. Komander operasi mengarahkan keluarga terlibat berpindah ke kawasan lebih selamat sebelum anggota bomba bertindak memotong pokok tumbang yang menghalang lalu lintas menggunakan gergaji berantai," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dalam hantaran di Facebook memaklumkan berlaku kejadian cerun runtuh di Jalan Tun Fuad Stephen. Papan tanda amaran telah dipasang, namun laluan berkenaan masih boleh dilalui.

Di Papar, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah hari ini mengisytiharkan bencana berikutan banjir yang melanda daerah itu.

Pengerusinya Muhammad Mohd Ali berkata sebuah pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di Dewan Masyarakat Papar pada 10 pagi tadi.

-- BERNAMA

Sumber:
<https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2467586>



@StatsMalaysia

4



ASEAN

MALAYSIA 2025

KETERANGAN DAN KEMAMPUAN



MALAYSIA

MADANI

kesejahteraan



ODIN

OPEN DATA INVENTORY

MALAYSIA

KEMPAAT PEKERTUAKA

DI DUNIA



20 Oktober

2016 - 2030

Bantuan, pampasan insurans untuk keluarga mangsa tanah runtuh

By editor02 September 23, 2025

[Share](#)[f](#)[wa](#)



Hajji Noor

⌚ Read Time: 1 Minute, 13 Second
Oleh Erdie Ab Wahid

KOTA KINABALU : Kerajaan Negeri Sabah memberi jaminan semua keluarga 13 mangsa yang maut dalam kejadian tanah runtuh di Papar, Penampang dan Kota Kinabalu minggu lalu akan menerima bantuan khas dan pampasan insurans.

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajji Noor berkata, perbincangan telah dibuat bersama Kementerian Kewangan negeri bagi memastikan pampasan insurans kemalangan kerajaan negeri turut disalurkan kepada keluarga mangsa.

Sumber:
<https://sabahmedia.com/2025/09/23/bantuan-pampasan-insurans-untuk-keluarga-mangsa-tanah-runtuh/>

Laluan Pan Borneo Papar-KK ditutup akibat tanah runtuh

By editor02 September 14, 2025

[Share](#)[f](#)[wa](#)



⌚ Read Time: 50 Second

KOTA KINABALU : Laluan utama Lebuhraya Pan Borneo dari Papar ke Kota Kinabalu di Jalan Donggongan-Papar Spurs terpaksa ditutup sepenuhnya hari ini berikutan kejadian cerun runtuh yang berlaku awal pagi tadi.

Insiden itu menyebabkan jalan raya dilitupi tanah runtuh dan lumpur, sekali gus menjejaskan pergerakan kenderaan di laluan berkenaan.

Sumber:
<https://sabahmedia.com/2025/09/14/laluan-pan-borneo-papar-kk-ditutup-akibat-tanah-runtuh/>

Tujuh hilang, tanah runtuh hempap rumah di Kota Kinabalu



Oleh MEDIA MUJA 16 September 2025, 1:45 pm

[f](#)[t](#)[wa](#)[e](#)[a](#)

KOTA KINABALU: Tujuh individu hilang selepas sebuah rumah dihempap tanah runtuh dalam kejadian di Kampung Cenderakasih, Kolombong di sini pagi tadi. Dua individu lain ditemukan cedera dalam kejadian berpunca hujan lebat berterusan itu. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri (JBPM) Sabah, Mohd. Pisar Aziz, berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu pada pukul 10.02 pagi. Katanya, sembilan orang mangsa tertimbus manakala dua lagi telah dikeluarkan orang ramai. Operasi pencarian...

Sumber:
<https://www.utusan.com.my/berita/2025/09/tujuh-hilang-tanah-runtuh-hempap-rumah-di-kota-kinabalu/>

Tragedi tanah runtuh di Kolombong: Lima sekeluarga ditemukan meninggal dunia

Izwan Abdullah
am@hmetro.com.my

[f](#)[wa](#)[x](#)



Kota Kinabalu: Lima daripada tujuh mangsa sekeluarga yang dikhuatiri tertimbus tanah runtuh dalam kejadian dekat Kampung Cenderakasih di Kolombong, dekat sini, ditemukan meninggal dunia setakat jam 3 petang ini.


Mangsa pertama dikenali sebagai Husaima Sarabani, 50, ditemukan pada jam 12.30 tengah hari tadi, manakala empat lagi mangsa ditemukan ketika pencarian pasukan mencari dan menyelamat pada sebelah petang.

Empat mangsa terbabit, membabitkan dua beradik dikenali sebagai Siti Khadijah Abdullah, 4, dan Mohd Ilham Abdullah, 2, manakala seorang lagi kanak-kanak, Mohd Izzan Gandi, 7, ialah sepupu mereka, selain datuk mereka, Abdul Halid Darak, 50.

Sementara itu, pencarian diteruskan bagi mengesan dua lagi mangsa dua beranak, ibu, Maslinah Abdul Halid, 29 dan anaknya, Mohd Noriman Abdullah, 9.

Sumber:
<https://www.hmetro.com.my/utama/2025/09/1264369/tragedi-tanah-runtuh-di-kolombong-lima-sekeluarga-ditemukan-meninggal-dunia>

DEMOGRAFI PENDUDUK KOTA KINABALU



Sumber : 1. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Negeri Sabah
2. Anggaran Penduduk Semasa Mengikut Daerah Pentadbiran, Kota Kinabalu 2025
3. Perangkaan Sebab Kematian Malaysia, 2024
4. Mylocalstats Kota Kinabalu, 2020
5. Mylocalstats Kota Kinabalu, 2023
6. <https://www.statistics.gov.my/portal-main/next?id=3>



STATISTIK SOSIOEKONOMI & KEMUDAHAN AWAM, KOTA KINABALU



PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2022

	PURATA (RM)	PENENGAH (RM)
JUMLAH	8,388	5,957


RUMAH IBADAT



n.a MASJID



n.a TOKONG



n.a KUIL



n.a GEREJA

KESIHATAN

5 HOSPITAL
KERAJAAN



17 KLINIK
KERAJAAN

GUNA TENAGA



5.9% KADAR PENGANGGURAN
75.7% KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

KESELAMATAN



1 IPD
9 BALAI POLIS



2 BALAI BOMBA

PENDIDIKAN

58 SEKOLAH
RENDAH



24 SEKOLAH
MENENGAH

PAKW, 2023

Bandar
RM 5,040



Luar Bandar
RM 4,865

Sumber : Indikator Kos Sara Hidup, Sabah, 2023

KDNK, 2020




RM 19.97 Bilion

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Daerah Pentadbiran,
Kota Kinabalu, Sabah 2015-2020




BILANGAN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR, KOTA KINABALU



Sumber: Malaysia Statistical Business Register (MSBR), 2024



PORTAL DAN DASHBOARD DOSM : MEDIUM SEBARAN STATISTIK



OpenDOSM




MyAgeing Dashboard



MyLocal Stats




SDG




MyDemography



MyPAKW



Kalkulator Jangka Hayat



Portal Bencana NADMA

